

**FORMAT PELAPORAN INOVASI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

---

**A- MAKLUMAT BAHAGIAN**

Nama Bahagian : JP SABAH  
Alamat Bahagian : Aras 1-3, Blok C, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah  
No. Telefon : 088-484642  
No. Faks : 088-484659

**B- PROJEK INOVASI**

Tajuk Projek Inovasi : **Penggunaan Perisian *IPMsg* Atas Talian Untuk Memudahkan Urusan Rasmi Pengguna Rangkaian Setempat (LAN) Di JP Sabah**  
Ketua Projek : Puan Lim Mui Cheng

**C- PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB UNTUK DIHUBUNGI**

Nama : Puan Lim Mui Cheng  
Jawatan : Penolong Pengarah  
No. Telefon : 088-484641  
No. Faks : 088-484682  
E-mel : mclim@stats.gov.my

**D- PENGESAHAN PENGARAH**

-----  
Tandatangan Pengarah

Nama: Hj. Norezan Bin Wahid  
Jawatan: Pengarah Negeri

-----  
Cap Rasmi Bahagian

Tarikh:

## **BAHAGIAN 1: BUTIRAN PROJEK**

### **Objektif Projek :**

**Penggunaan Perisian *IPMsg (online)* melalui LAN Jabatan untuk memudahkan urusan rasmi pengguna Rangkaian Setempat (LAN) di JP Sabah.**

### **Penerangan Projek:**

Projek ini dijalankan sebagai langkah mempermudah proses hebahan maklumat, penghantaran fail, kawalan keselamatan dan pengurusan tugas rasmi dengan lebih mudah, cepat dan berkesan untuk semua pengguna di bawah Rangkaian Setempat (*LAN*) JP Sabah.

#### Sebelum inovasi dilakukan:

Urusan perhubungan, penghantaran peringatan hadir mesyuarat dan dokumen hanya boleh dilakukan melalui panggilan telefon, pesanan melalui rakan sejawat, penghantaran fail melalui e-mel atau thumb drive jika saiz fail melebihi 10 *mb*. Kawalan kedudukan semasa anggota seliaan berada di tempat bertugas mereka dan pemeriksaan sama ada kesemua komputer dalam LAN telah dipadamkan atau tidak selepas waktu pejabat untuk tujuan keselamatan hanya boleh dilakukan dengan pemeriksaan secara fizikal selain *Network Administrator*.

#### Selepas inovasi dilakukan:

Urusan penghantaran pesanan, peringatan untuk urusan rasmi termasuk tarikh tutup yang ditetapkan boleh dilakukan melalui aplikasi *ipmsg* dengan hanya memilih pengguna LAN yang aktif dalam tettingkap *Send Message*. Aplikasi ini membolehkan penghantaran semua jenis fail tanpa sekatan kepada had saiz fail dan bilangan fail yang dihantar serta bilangan penerimanya pada satu-satu masa. Pegawai keselamatan atau penyelia boleh melakukan semakan kawalan keselamatan melalui *ipmsg* dengan melihat samada masih terdapat pengguna yang aktif selepas waktu pejabat serta membuat semakan tempoh anggota seliaan membuka mesej yang dihantar dengan memilih kemudahan *seal*. Penggunaan *ipmsg* juga merupakan satu kaedah yang paling efisien untuk menghantar **mesej kecemasan** sekiranya berlaku kejadian kecemasan seperti kebakaran dengan hanya memilih kesemua pengguna LAN di semua aras di seluruh pejabat secara *realtime*.

### **Carta Perbatuan:**

Seperti di Lampiran 3

### **Teknologi *Benchmarking*:**

**(Sekiranya ada)**

Tiada

**Kaedah Pembangunan Projek (Dalam/Luaran):**

Perolehan secara percuma dari internet.

**Projek Deliverables:**

Dapat memenuhi keperluan penggunaan dalam rangkaian setempat untuk mempercepatkan urusan kerja harian, memudahkan tugas seliaan serta mempertingkatkan kawalan keselamatan dalam pejabat tanpa menjejaskan keselamatan data dan urusan rasmi.

## **BAHAGIAN 2: KOS DAN IMPAK**

**Kos Projek:**

Tidak melibatkan kos

**Daya Saing:**

Tugas-tugas seliaan boleh dipermudahkan dan dipercepatkan. Kawalan keselamatan ICT keselamatan fizikal boleh dipertingkatkan dengan lebih efisien. Anggota Jabatan boleh bekerja dalam persekitaran yang lebih aman dan kondusif.

**Kesan Inovasi:**

1. Penyampaian urusan harian yang lebih berkesan dari segi penghantaran pesanan terutamanya peringatan jemputan mesyuarat, tarikh sasaran tugas dan pesanan urusan rasmi yang lain.
2. Penghantaran fail dengan saiz melebihi 10mb boleh dilakukan secara *realtime* tanpa keperluan penghantaran secara fizikal melalui media storan lain atau ftp yang mengambil masa.
3. Penyeliaan subordinat dipermudahkan justeru mempertingkatkan **produktiviti kerja**.
4. **Imej jabatan** boleh dipertingkatkan dengan penggunaan *ipmsg* terutamanya bagi petugas kaunter apabila menghadapi masalah menjawab pertanyaan atau permintaan data dan perlu menghubungi pegawai SMD untuk maklumat lanjut di hadapan pengguna.
5. **Kawalan keselamatan** pejabat dan ICT boleh dipermudahkan dan dipertingkatkan.
6. Pengguna dalam LAN boleh mengetahui nama dan lokasi pengguna mana yang berkenaan apabila berlaku kes **ip conflict** dengan menyemak pengguna mana yang menggunakan *no. ip* yang sama melalui maklumat ip dalam paparan *ipmsg*.
7. Anggota Jabatan boleh bekerja dalam persekitaran yang lebih **aman** dan **kondusif** dengan pengurangan deringan telefon panggilan dalaman.

### **BAHAGIAN 3: PROSES SEBELUM DAN SELEPAS**

<b>No.</b>	<b>Modul</b>	<b>Sebelum</b>	<b>Selepas</b>
1.	Penyampaian pesanan kepada sekumpulan anggota.	Melalui panggilan telefon, e-mel atau nota pesanan.	Disampaikan serentak kepada pengguna dalam LAN secara <i>realtime</i> .
2.	Penghantaran fail dengan saiz yang melebihi 10mb untuk pengguna dalam LAN.	Penghantaran secara fizikal menggunakan media storan lain atau melalui ftp.	Tiada sekatan saiz, bilangan fail dan bilangan penerimanya pada satu-satu masa penghantaran.
3.	Semakan kehadiran anggota seliaan.	Secara fizikal, melalui panggilan telefon atau melalui e-mel.	Semakan serentak semua anggota seliaan secara <i>realtime</i> melalui kemudahan <i>msg read</i> .
4.	Petugas kaunter menghadapi masalah menjawab pertanyaan dari pengguna.	Bertanya pada pegawai atasan atau menghubungi SMD melalui telefon dan menjejaskan status profesionalisme anggota jabatan.	Menghubungi pegawai atasan atau SMD melalui ipmsg untuk dapatkan jawapan dari skrin komputer di kaunter perkhidmatan.
5.	Kawalan keselamatan jabatan	Pemeriksaan samada semua komputer dalam LAN dipadamkan lepas waktu pejabat dilakukan secara manual.	Pemeriksaan <i>realtime</i> melalui paparan pengguna yang aktif dalam ipmsg.
6.	Masalah <i>ip conflict</i>	Laporkan kepada pegawai teknik ICT untuk mengenalpasti PC mana yang menggunakan ip yang bertindih.	Semua pengguna LAN boleh mengetahui nombor ip komputer pengguna mana yang bertindih seperti yang dipaparkan dalam tettingkap ipmsg dan boleh maklumkan kepada pengguna berkenaan melalui ipmsg.
7.	Menghubungi anggota lain dalam Jabatan	Melalui telefon dan deringan telefon mengganggu	Penghantaran pesanan melalui ipmsg and anggota lain boleh bekerja dalam persekitaran yang lebih <b>aman</b> dan <b>kondusif</b> dengan pengurangan deringan telefon panggilan dalaman.

UNIT PELAKSANAAN PIAWAI & INOVASI  
SEKSYEN PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN  
BAHAGIAN METODOLOGI & PENYELIDIKAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA